

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI PENGALAMAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

(*Higher Education Institutions In Developing Experience Economy*)

Noor Alyani Nor Azazi, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh

ABSTRAK

Pembangunan institusi pengajian tinggi merupakan salah satu strategi untuk mencetuskan pembangunan sesebuah bandar di kebanyakan negara sedang membangun. Dalam konteks pembangunan bandar masa kini, institusi pengajian tinggi juga mampu memperkembang dan mengikut rentak tuntutan ekonomi pengalaman. Melalui kerangka ekonomi pengalaman, penubuhan institusi pengajian tinggi ini dapat merangsang dan menggalak pembangunan bandar berteraskan *4E* ekonomi pengalaman. Makalah ini bertujuan menilai impak pembangunan institusi pengajian tinggi terhadap elemen-elemen ekonomi pengalaman dalam pembangunan bandar pusat pengajian tinggi di sekitar semenanjung Malaysia. Empat elemen ekonomi pengalaman digunakan sebagai kerangka dalam menilai pencapaian ekonomi pengalaman bandar-bandar tersebut. Pembangunan yang berlaku kesan dari penubuhan institusi pengajian tinggi dinilai dengan melihat status bandar yang dicapai serta fasiliti-fasiliti yang terbina selepas penubuhan institusi-institusi ini. Fasiliti yang mencerminkan setiap pengalaman iaitu pendidikan, hiburan, estetika dan *escapist* dilihat untuk menilai pencapaian ekonomi pengalaman di setiap bandar pusat pengajian tinggi yang diteliti. Hasil kajian mendapati hampir kesemua institusi pengajian tinggi yang dinilai berjaya mempengaruhi elemen pengalaman pendidikan di bandar masing-masing. Selain itu, institusi pengajian tinggi jenis penyelidikan berjaya membangunkan ekonomi pengalaman di bandar pusat pengajian tinggi sama ada institusi tersebut ditubuhkan di kawasan bandar mahupun luar bandar. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada peri pentingnya penubuhan institusi pengajian tinggi dalam merangsang pembangunan ekonomi pengalaman dalam pembangunan bandar dan menyumbang kepada korpus ilmu berhubung dengan keupayaan kerangka ekonomi pengalaman membangunkan sesebuah bandar.

Kata Kunci: Institusi Pengajian Tinggi, Ekonomi Pengalaman, Escapist, Estetika, Hiburan, Pendidikan

ABSTRACT

The development of higher learning institutions is seen as a strategy to trigger the development of an urban space in most developing countries. In the context of today's urban development, higher learning institutions are also able to develop and go along with the pace of experience economy. Through the framework of experience, the establishment of higher learning institutions can stimulate and encourage the urban development based on the principals of *4E* of experience economy. This paper aims to evaluate the impact of higher learning institutions on the elements of experience economy development towards the development of the higher learning institution cities around the peninsular Malaysia. Four elements of experience economy are used as a framework in assessing the experience economy achievement of those cities. The development resulting from the higher learning institutions establishment are evaluated by looking at the status achieved by the city and the facilities built after the

establishment of the institutions. Facilities that reflect each experience; education, entertainment, esthetics and escapist are seen to assess the achievement of experience economy in each of the higher learning institutions cities. The findings show that almost all of the institutions that were evaluated succeeded in influencing the element of educational experience in their respective cities. In addition, research institutions succeeded in developing experience economy both in the urban and rural area. As a conclusion, this study contributes to the importance of the roles of higher learning institutions in stimulating the development of the experience economy in the urban services sector and also contributes to the corpus of knowledge with regards to the capability of the framework of experience economy in developing a city.

Keywords: Experience Economy, Education, Entertainment, Escapist, Esthetic.

PENGENALAN

Institusi pengajian tinggi merupakan aset yang paling penting sebagai penjana pembangunan bandar dan sektor ekonomi bandar. Berdasarkan konteks pembangunan bandar yang membangun kesan dari pengaruh penubuhan IPT, Bandar dan IPT saling bekerjasama kerana institusi bertindak sebagai sektor ekonomi yang menyumbang kepada pembentukan ilmu, *knowledge transfer*, pekerja mahir dan berbakat yang dapat menyumbang kepada ekonomi bandar (Williams et al. 2006; Abdul Ghani et al. 2007; Fauziah Che Leh 2007; Hasmah Abu Zarim et al. 2010; Abel & Deitz 2011; Hamzah Jusoh et al. 2012; Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof 2012). Pengaruh IPT terhadap pembangunan ekonomi bandar jelas menunjukkan institusi dan sektor ekonomi bandar saling melengkapi antara satu sama lain atau dalam erti kata lain saling mempengaruhi. Antara punca kewujudan hubungan ini adalah komuniti yang datang dari IPT sendiri yang membentuk sebahagian besar komuniti bandar secara keseluruhan. Kewujudan komuniti sesebuah bandar berteraskan IPT mewujudkan kesan kepelbagaiannya permintaan terhadap sektor ekonomi dan perkhidmatan bandar. Ini bertepatan dengan kenyataan Pine dan Gilmore (1998) yang menekankan kepelbagaiannya permintaan terhadap jenis produk atau perkhidmatan yang dapat memberi kepuasan maksimum kepada pengguna adalah punca kemunculan ekonomi pengalaman. Konsep baru dalam dunia ekonomi ini juga menjadi trend baru dalam pembangunan ekonomi.

Aspek ekonomi pengalaman digunakan oleh ahli perniagaan masa kini sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan taraf ekonomi perniagaan mereka. Begitu juga pembangunan sesebuah bandar yang boleh menggunakan kerangka ekonomi pengalaman sebagai penanda aras yang perlu dicapai sebagai bukti berjaya mencapai pembangunan yang signifikan. Bagi sesebuah bandar universiti, pembangunan ekonomi pengalaman boleh dicapai melalui penyediaan atau kewujudan elemen-elemen ekonomi pengalaman di bandar tersebut iaitu elemen yang mewujudkan pengalaman pendidikan, hiburan, estetika dan *escapist* kepada penduduk setempat. Justeru itu, makalah ini menilai pembangunan bandar universiti di sekitar semenanjung Malaysia terutamanya fasiliti yang terdapat di bandar tersebut yang berjaya mewujudkan elemen ekonomi pengalaman. Sebelum meneliti pembangunan ekonomi pengalaman dalam bandar-bandar universiti di semenanjung Malaysia, jenis-jenis universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia serta peranan institusi-institusi ini secara am disentuh terlebih dahulu.

OBJEKTIF

Institusi pengajian tinggi banyak memainkan peranan dalam pembangunan sesebuah bandar dan ini termasuk dalam pembangunan sektor-sektor ekonomi di bandar pusat pengajian tinggi.

Dalam dunia ekonomi masa kini, terma ekonomi pengalaman adalah antara terma baru yang digunakan untuk menilai pembangunan ekonomi pengalaman di sesebuah premis atau kawasan. Justeru itu, objektif makalah ini ialah menilai impak pembangunan institusi pengajian tinggi terhadap elemen-elemen ekonomi pengalaman dalam pembangunan bandar pusat pengajian tinggi di sekitar semenanjung Malaysia

ULASAN KARYA

Pengaruh Institusi Pengajian Tinggi Dalam Pembangunan Bandar

Salah satu kesan utama institusi pengajian tinggi adalah pembangunan sesebuah Bandar kepada Bandar ilmu dan lazimnya Bandar yang telah diangkat taraf sebagai Bandar ilmu banyak menjalani jaringan dengan sektor ekonomi dan industri Bandar. Di seluruh dunia, banyak institusi pengajian tinggi kini terlibat secara langsung dalam perancangan visi, strategi dan pelan tindakan bandar-bandar pusat pengajian tinggi untuk menjadi dijadikan sebagai bandar ilmu yang berjaya (Yigitcanlar 2009). Institusi pengajian tinggi bukan sahaja mempengaruhi penghasilan tenaga kerja berpengetahuan dan menjana pengetahuan dan kemahiran baru tetapi institusi ini juga mempengaruhi kewujudan industri, produk dan perkhidmatan yang baru (Yigitcanlar & Sarimin 2011). Dalam konteks bandar ilmu, bakat dan kreativiti menjadi elemen penting dalam membangunkan ekonomi bandar di mana pembangunan bandar kini bergantung kepada keupayaan mencipta idea-idea baru yang boleh memberi keuntungan dari segi ekonomi dan tenaga kerja berpengetahuan juga adalah aset paling penting dalam penghasilan produk berintensifkan pengetahuan (Yigitcanlar 2008).

Menurut Sarimin dan Yigitcanlar (2012), sebuah bandar yang membangun berasaskan pengetahuan perlu fokus dalam membangunkan aktiviti-aktiviti yang berhubungkait dengan pengetahuan dalam usaha untuk menarik industri-industri berteknologi tinggi yang akan menyumbangkan pembangunan ekonomi Bandar seperti penawaran peluang pekerjaan dan penghasilan produk tempatan yang menguntungkan sektor ekonomi bandar tersebut. Selain itu, dalam era ekonomi berlandaskan pengetahuan, universiti bukan sahaja bertindak sebagai medan untuk menarik pelajar, fakulti dan pengunjung ke sesebuah bandar, tetapi juga mempengaruhi pembangunan ekonomi bandar-bandar tersebut. Sama seperti dalam konteks negara maju, universiti-universiti di negara-negara membangun semakin diiktiraf sebagai hab pengetahuan dan mempengaruhi daya hidup intelektual bandar di mana universiti ditubuhkan. Selain itu, universiti yang bekerja sama dengan kerajaan, perniagaan dan komuniti bandar akan dapat membina dan mengekalkan komuniti bandar yang berpengetahuan dan menjana pembangunan bandar ilmu (Yigitcanlar & Sarimin 2011).

Dalam kajian yang dijalankan di Bandar Seri Iskandar, pendidikan dan penyelidikan institusi merupakan tunggak utama bagi pembangunan bandar ini. Institusi pengajian tinggi juga dikatakan memainkan pengaruh penting dalam meningkatkan taraf bandar dan menarik serta mengekalkan tenaga kerja berkemahiran di bandar tersebut. Institusi pengajian tinggi dan pelajar institusi juga dikatakan menyumbang kepada persekitaran sosial dan kehidupan di bandar Seri Iskandar (Yigitcanlar & Sarimin 2011). Secara umumnya, institusi pengajian tinggi juga memainkan pengaruh dalam mewujudkan jaringan yang saling menguntungkan antara sektor ekonomi bandar dan industri dengan penyelidikan dari institusi-institusi pengajian tinggi dan hasil kerjasama ini akan sekaligus meningkatkan taraf bandar-bandar ini menjadi bandar ilmu.

Ekonomi Pengalaman

Ekonomi pengalaman adalah satu konsep penting yang memberi fahaman bahawa pengalaman boleh diwujudkan dan ekonomi pengalaman akan mewujudkan keuntungan faedah/ekonomi di mana ekonomi pengalaman boleh menjadi alat yang berguna untuk mewujudkan keuntungan dan juga imej serta penjenamaan. (Pine & Gilmore 1998, Lyck 2010, Radder & Han 2015) Ekonomi pengalaman adalah idea yang berasal dari bidang ekonomi perniagaan dan digunakan untuk menunjukkan trend baru dalam pembangunan ekonomi. Pada masa kini, wilayah atau kawasan-kawasan bersaing pada "*catwalk global*" untuk menarik penduduk, pelancong dan firma dengan membina kualiti. Kawasan yang dapat menyediakan pengalaman pengeluaran dan penggunaan lebih menarik minat pembangunan setempat kerana implikasi untuk pekerjaan dan kualiti kawasan tersebut.

Aspek penggunaan yang tinggi dalam bandar-bandar besar menyediakan massa kritikal untuk pembangunan pelbagai jenis produk pengalaman khusus yang berhubungkait dengan budaya, membeli-belah dan pemakanan, manakala bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar membina pengeluaran pengalaman berdasarkan mengenai budaya dan sumber semula jadi tempatan. Keperluan umum bagi semua kawasan yang memulakan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi pengalaman adalah kawasan tersebut mudah diakses dan dikenali atau dalam erti kata lain, kawasan tersebut diintegrasikan dalam aliran global manusia dan informasi. Aspek baru terlibat dalam pembangunan pengalaman di mana inisiatif sivik boleh menghasilkan peristiwa-peristiwa pengalaman. Aspek-aspek dalam ekonomi pengalaman adalah dinamik dan rangkaian sentiasa bersifat sementara. Tadbir urus sentiasa bersifat agak kabur supaya projek pengalaman awam dan komersial berkembang dan bergabung, menjadikannya kawasan yang menarik. Oleh kerana aspek-aspek tersebut, ekonomi pengalaman dikatakan mewakili "*window of opportunity*" bagi bandar-bandar kecil yang cenderung untuk dipinggirkan dalam ekonomi berpengetahuan. Bandar-bandar kecil mempunyai peluang kerana mempunyai sumber seperti keindahan alam semula jadi, teras bandar bersejarah, pengeluaran tradisional, ketenangan, kemesraan, rangkaian tempatan dan inisiatif sivik, dan juga kewujudan peluang dalam menyediakan pengangkutan dan komunikasi global.


Selain itu, terdapat banyak kajian yang dilakukan ke atas konsep dan ciri-ciri ekonomi pengalaman dalam pelbagai sektor. Menurut Stasiak (2013), pendidikan dan pengaruh media moden menjadi antara faktor kepada kewujudan ekonomi pengalaman. Dalam konteks pelancongan dan perhotelan, pelancong kini tidak hanya mahu melihat dan belajar tetapi juga mahu memahami, mengalami dan mempunyai hubungan secara langsung dengan lokasi yang dikunjungi. Bagi perhotelan, pada masa kini penyediaan perkhidmatan yang berkualiti tinggi sahaja tidak mencukupi. Kini sektor ini perlu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang tersendiri, ekspresif dan unik. Malah ada juga yang sampai ke tahap menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang mewah dan luar biasa semata ingin memenuhi tuntutan pelancong tidak lagi menganggap penginapan yang 'biasa' memuaskan walaupun di hotel mewah. Pelancong kini mengharapkan penginapan yang dapat memberikan pengalaman dan memori yang luar biasa dan berbeza. Kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas jelas menunjukkan kepentingan elemen ekonomi pengalaman dalam pembangunan bandar serta ekonomi bandar. Bahagian seterusnya menyentuh elemen-elemen ekonomi pengalaman yang dapat dikesan di bandar-bandar pusat pengajian tinggi di semenanjung Malaysia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan teori *The Four Realms* dari Pine & Gilmore (1998) untuk menilai pencapaian ekonomi pengalaman di bandar pusat pengajian tinggi disekitar semenanjung Malaysia. Rajah 1 menunjukkan elemen-elemen ekonomi pengalaman iaitu pengalaman pendidikan, hiburan, estetika atau *escapist*.

Fasiliti yang mencerminkan setiap pengalaman iaitu pendidikan, hiburan, estetika dan *escapist* dilihat untuk menilai pencapaian tahap ekonomi pengalaman di setiap bandar universiti sekitar semenanjung Malaysia. Elemen pengalaman pendidikan dalam bandar-bandar tersebut dapat dilihat berdasarkan fasiliti pendidikan yang terbina di sekitar institusi pengajian tinggi seperti sekolah dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi. Bagi elemen pengalaman hiburan pula, fasiliti yang menyediakan elemen hiburan kepada komuniti bandar disenaraikan seperti pusat membeli belah dan panggung wayang. Bagi elemen pengalaman estetika, pengalaman ini menekankan elemen persekitaran komuniti, justeru itu fasiliti yang dapat menyediakan suasana tenang serta fasiliti yang tidak melibatkan aktiviti fizikal dari komuniti disenaraikan seperti taman bunga dan muzium. Elemen pengalaman terakhir iaitu pengalaman *escapist*, pengalaman ini melibatkan aktiviti fizikal dan rohani komuniti, justeru itu fasiliti seperti stadium, pusat sukan dan taman rekreasi disenaraikan.



Teknik Pengumpulan Data

Data yang digunakan dalam makalah ini adalah berbentuk data sekunder. Makalah ini menumpukan kepada pembangunan institusi-institusi pengajian tinggi di sekitar Malaysia yang membantu bandar-bandar institusi pengajian tinggi ini membangun, mencapai status Bandar Universiti atau Bandaraya dan secara tidak langsung membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berupaya menonjolkan elemen ekonomi pengalaman di lokasi penubuhan institusi. Kebanyakan data sekunder diperolehi dari pelbagai sumber lain; iaitu dari institusi-institusi itu sendiri, pelbagai kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dan Kementerian Sumber Manusia dan Pihak Berkua Tempatan.

LATAR BELAKANG KAJIAN: INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Terdapat tiga jenis IPT di Malaysia dan jadual 1 menunjukkan ringkasan jenis-jenis IPT di Malaysia.

Jadual 1: Jenis-jenis Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Jenis IPT	IPTA
Universiti Komprehensif	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Teknologi MARA • Universiti Islam Antarabangsa Malaysia • Universiti Malaysia Sabah • Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Berfokus	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Utara Malaysia • Universiti Pendidikan Sultan Idris • Universiti Tun Hussein Onn Malaysia • Universiti Teknikal Malaysia Melaka • Universiti Malaysia Perlis • Universiti Malaysia Terengganu • Universiti Malaysia Pahang • Universiti Sains Islam Malaysia • Universiti Darul Iman Malaysia • Universiti Malaysia Kelantan • Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Universiti Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Malaya (UM) • Universiti Sains Malaysia (USM) • Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) • Universiti Putra Malaysia (UPM) • Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi 2016

Institusi Pengajian Tinggi Dalam Pembangunan Bandar

Institusi pengajian tinggi banyak mempengaruhi pembangunan sesebuah bandar dan perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan status sesebuah bandar di mana terbinanya institusi pengajian tinggi. Dari sebuah pekan kecil berkembang menjadi sebuah Bandar dan seterusnya berkembang menjadi bandaraya. Hal ini berlaku kesan dari penubuhan satu atau lebih institusi pengajian tinggi di kawasan tersebut. Selain peningkatan status, pembangunan bandar baru dan bandar ilmu juga berlaku kesan dari penubuhan institusi-institusi ini. Jadual 2 menunjukkan institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia serta status kawasan institusi dibina.

Kebanyakan bandar yang menjadi lokasi institusi pengajian tinggi berjaya mencapai status sebagai sebuah bandar dan juga bandar universiti. Tidak kurang juga bandar-bandar baru seperti bandar satelit yang wujud kesan dari penubuhan institusi-institusi ini seperti Seremban 3 yang menjadi lokasi bagi cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Negeri Sembilan.

Jadual 2: Institusi Pengajian Tinggi dan Status Bandar

Negeri	IPT	Lokasi	Tahun	Status
Wilayah Utara				
Perak	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Tanjung Malim	1997	Bandar/ Bandar Pendidikan/ Bandar Proton
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Seri Iskandar	1985	Bandar Baru/ Bandar Universiti
Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia (USM)	Gelugor	1969	Bandar/ Bandar Universiti
	Universiti Sains Malaysia (USM)	Nibong Tebal	2002	Bandar/ Bandar Universiti
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Permatang Pauh	1996	Bandar
Kedah	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Sintok	1984	Bandar baru/ Bandar Universiti
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Merbok	1997	Mukim/Pekan
Perlis	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Arau	2001	Bandar DiRaja/ Mukim
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Arau	1974	Bandar DiRaja/ Mukim
Wilayah Tengah				
Selangor	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Gombak	1983	Daerah/ Bandar
	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Bangi	1977	Bandar Baru/ Bandar Universiti
	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Serdang	1971	Mukim/ Bandar Baru
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Shah Alam	1967	Bandaraya/ Ibu Negeri
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Puncak Alam	2009	Bandar
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Sungai Buloh	2003	Mukim/Bandar Baru
	Universiti Malaya (UM)	Bangsar/Petaling Jaya	1905	Bandaraya
Negeri Sembilan	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Nilai	1997	Bandar Baru
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Kuala Pilah	2009	Daerah/Pekan
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Seremban 3	2014	Bandar Satelit
Wilayah Selatan				
Melaka	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Bandaraya Melaka	2000	Bandaraya/ Bandaraya Warisan Dunia
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Bandaraya Melaka	2006	Bandaraya/ Bandaraya Warisan Dunia
				bersambung..

	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Jasin	1984	Bandar
..sambungan				
Johor	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Skudai	1972	Bandar/ Bandar Universiti
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Batu Pahat	1993	Bandar
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Segamat	1983	Bandar/Daerah
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Masai	2014	Bandar
Wilayah Pantai Timur				
Pahang	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Kuantan	1997	Daerah/ Ibu Negeri/ Bandaraya
	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Pekan	2002	Bandar Diraja
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Jengka	1993	Gugusan Jengka/Bandar/Felda Jengka
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Raub	2015	Daerah/ Bandar
Kelantan	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Jeli	2012	Mukim
	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kubang Kerian	1983	Bandar/Daerah
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Machang	1985	Daerah
Terengganu	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Mengabang Telipot	2001	Kampung nelayan
	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Besut	2005	Daerah
	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Gong Badak	2005	Bandar Baru
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Dungun	1985	Daerah

HASIL KAJIAN: EKONOMI PENGALAMAN DI BANDAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Setiap pembangunan yang berlaku kesan dari penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi akan mempengaruhi setiap elemen tidak kira dari aspek fasiliti, perkhidmatan mahupun status kawasan tersebut. Kerangka ekonomi pengalaman yang terdiri dari elemen pendidikan, hiburan, estetika dan *escapist* dapat menunjukkan perkara ini, di mana pembangunan yang berlaku kerana penubuhan institusi pengajian tinggi meliputi segala aspek. Bahagian ini membincangkan pembangunan bandar-bandar institusi pengajian tinggi dalam aspek ekonomi pengalaman di Semenanjung Malaysia mengikut wilayah utara, tengah, selatan dan pantai timur.

Ekonomi Pengalaman Di Wilayah Utara

Bahagian ini menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman yang dapat dilihat di bandar-bandar pusat pengajian tinggi bagi kawasan wilayah utara. Negeri-negeri yang tertakluk dalam kawasan wilayah utara adalah Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Sebelum melihat kepada elemen-elemen ekonomi pengalaman yang terhasil kesan dari penubuhan institusi pengajian tinggi awam di bandar-bandar ini, dapat dilihat jenis lokasi penubuhan institusi-institusi ini. Terdapat institusi yang dibina di kawasan bandar untuk menyemarakkan lagi pembangunan di kawasan tersebut dan terdapat institusi yang dibina di kawasan luar bandar dengan tujuan untuk mewujudkan pembangunan.

Bagi wilayah utara, ke semua institusi pengajian tinggi awam yang dinilai ditubuhkan di kawasan luar bandar iaitu Tanjung Malim, Seri Iskandar, Gelugor, Nibong Tebal, Permatang Pauh, Sintok, Merbok dan Arau. Lapan bandar pusat pengajian tinggi ini merangkumi sembilan institusi pengajian tinggi awam iaitu tiga buah institusi di negeri Perak, tiga buah institusi di Pulau Pinang dan empat institusi di Kedah dan dari sembilan institusi ini, empat darinya adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM) seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2. UiTM merupakan institusi yang paling banyak membangunkan kawasan luar bandar di wilayah utara iaitu di Seri Iskandar, Permatang Pauh, Merbok dan Arau.

Selain itu, institusi lain yang membangun bandar pusat pengajian tinggi di kawasan luar bandar wilayah utara adalah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, Universiti Sains Malaysia (USM) di Gelugor dan Nibong Tebal, Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Perlis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Dari lapan bandar ini, enam bandar telah memegang status bandar/ bandar universiti iaitu Tanjung Malim, Seri Iskandar, Gelugor, Nibong Tebal, Permatang Pauh dan Sintok. Manakala Merbok masih belum mencapai status bandar dan Arau lebih dikenali sebagai Bandar DiRaja.

Jadual 3 menunjukkan elemen ekonomi pengalaman yang dapat dikesan di sekitar bandar pusat pengajian bagi wilayah utara. Hanya Bandar Gelugor sahaja yang berjaya membangunkan elemen ekonomi pengalaman dengan memberangsangkan di mana keempat-empat elemen ekonomi pengalaman dapat dikesan di bandar ini.

Jadual 3: Perkhidmatan Berlandaskan Ekonomi Pengalaman Bagi Wilayah Utara

Negeri	Lokasi	Perkhidmatan			
		Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Perak	Tanjung Malim	Sek Keb [11] Sek Keb (Cina) [6] Sek Keb (Tamil) [6] Sek Men Keb [6] IPT & IL [4]	Pasaraya (TF Value Mart, Grandbuy, Big Ten, Econsave, Mydin Hypermarket Proton City)	Teratak River View Tapak Kesan Perang Dunia ke 2	Sungai Bil Sungai Slim Kolam Air Panas Ulu Slim Taman Tasik Embayu Lubuk Kawah Air terjun Strata Taman Pegola Pejabat Slim River Padang bolasepak/ragbi UPSI Kompleks Sukan PROTON. Gelanggang futsal Ulu Bernam.
	Seri Iskandar	Sek Keb [24] Sek Keb (Cina) [4] Sek Keb (Tamil) [4] Sek Men Keb [8] Sek Men Agama [2] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [9]	Pasaraya (Tesco)	Kellie's Castle Tugu Lela Rentaka Kubu Dato' Maharaja Lela Terowong Masa Rumah Kutai Kubur J.W.W. Birch Memorial Pahlawan	Pusat Ternakan Tuntung
Pulau Pinang	Gelugor	Sek Keb [23] Sek Keb (Cina) [9] Sek Keb (Tamil) [1] Sek Men Keb [11] IPT [3]	Queensbay Mall Kompleks Bukit Jambul Tapak Pesta Sg. Nibong e-Gate Pearl Piazza Plaza Ivory Pasar Kemboja Kubang Menerong	Jambatan Pulau Pinang Bukit Jambul Orchid & Hibiscus Garden and Reptile House Snake Temple. Penang Aquarium Penang War Museum	Pantai Jerejak Nicol David International Squash Centre Bukit Dumbar Taman Rekreasi Jabatan Laut Wilayah Utara The Light Waterfront Linear Park Laser Battle Mission-Q Penang Golf Club

bersambung..

Nibong Tebal	Sek Keb [10] Sek Keb (Cina) [2] Sek Keb (Tamil) [5] Sek Men Keb [5] Sek Men Agama [1] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [4]	Kerian Sentral Mall.	Datuk Kong Old Temple Nibong Tebal Street Art Menara Jam Parit Buntar Nibong Tebal Firefly Watching	Taman Negeri Bukit Panchor Taman Rekreasi Sri Sanglang Taman Rekreasi Pinggiran Sungai Kerian	
Permatang Pauh	Sek Keb [4] Sek Keb (Cina) [2] Sek Men Keb [2] Sek Men Agama [1] IPT [2]	Megamall Sunway Carnival Mall	Bukit Pelanduk Taman Burung Pulau Pinang	Taman Rimba Bukit Mertajam	
Kedah	Sintok	Sek Keb [27] Sek Keb (Cina) [8] Sek Men Keb [15] IPT [3]	Kompleks Perdagangan Bebas Cukai (Cergas Jaya)	Taman Rekreasi Air Darul Aman Rimba Rekreasi Bukit Wang Sungai Tosak	
	Merbok	Sek Keb [4] Sek Keb (Cina)[2] Sek Men Keb [2] Sek Men Khas [1] Sek Men Agama [1] IPT & IL [4]	Muzium Arkeologi Lembah Bujang Candi Pengkalan Bujang Tapak Arkeologi Sungai Batu Ladang Lebah KC Merbok	Hutan Lipur Rekreasi Tupah Tandop Camp, Merbok Chalet Segantang Garam Merbok	
Perlis	Arau	Sek Keb [8] Sek Keb (Cina) [2] Sek Men Keb [6] Sek Men Agama [2] Sek Men Teknik [1] Kolej Vokasional [1] IPT [5]	Kompleks Perdagangan Bebas Cukai Padang Besar &Wang Kelian Kompleks Kraftangan Perlis	Masjid Negeri Istana Arau Makam Diraja Wood Valley Lodge Ladang Tebu, Chuping Perlis Taman Bunga Kertas Tuanku Lailatul Shahreen Taman Ular dan Reptilia Taman Burung	Gua Kelam Hutan Lipur Bukit Kubu Taman Rekreasi Tasik Melati Taman Rekreasi Sungai Batu Pahat Air Terjun Genting Kubu Taman Negeri Wang Kelian Taman Negeri Perlis Kelab Golf Putra

Bagi bandar pusat pengajian tinggi di Perak, Tanjung Malim berupaya menonjolkan pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist* manakala bandar Seri Iskandar pula hanya berjaya menonjolkan pengalaman pendidikan dan estetika dan tidak dapat menonjolkan pengalaman *escapist*. Bagi pengalaman hiburan, kedua-dua bandar tidak berjaya menonjolkan elemen pengalaman ini seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3.

Walaupun bandar Tanjung Malim berjaya menonjolkan lebih banyak elemen ekonomi pengalaman dari bandar Seri Iskandar, namun dari aspek pengalaman pendidikan dapat dilihat bandar Seri Iskandar jauh lagi menonjolkan pengalaman ini. Hal ini kerana terdapat dua institusi pengajian tinggi terkemuka di Seri Iskandar, iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan UiTM. Selain dikenali sebagai sebuah bandar pendidikan, Tanjung Malim juga dikenali sebagai Proton City kesan dari penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan ini turut mempengaruhi pembangunan elemen-elemen ekonomi pengalaman di bandar ini. Selain itu, antara perbezaan yang dapat dilihat antara kedua-dua bandar ini ialah pembangunan Tanjung Malim dipengaruhi oleh universiti berfokus (UPSI) dan pembangunan Seri Iskandar dipengaruhi universiti komprehensif (UiTM).

Bagi negeri Pulau Pinang pula, USM telah menjana pembangunan di Gelugor dan Nibong Tebal dan bagi aspek ekonomi pengalaman dapat dilihat USM berjaya membangunkan elemen-elemen ini dengan memberangsangkan. Keempat-empat elemen ekonomi pengalaman berjaya ditonjolkan berbanding dengan bandar Permatang Pauh. Walaupun Nibong Tebal tidak berjaya menonjolkan elemen ekonomi pengalaman secara menyeluruh kerana kurang menyerlahkan pengalaman hiburan, namun pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist* berjaya ditonjolkan pada tahap yang tinggi. Selain itu, kampus USM di Nibong Tebal juga telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan pembangunan yang dapat dilihat sejak penubuhan institusi ini dari aspek ekonomi pengalaman adalah memberangsangkan. Hal ini dipengaruhi oleh status institusi yang membangunkan bandar Gelugor dan Nibong Tebal di mana USM merupakan sebuah universiti penyelidikan terkemuka di negara ini dan merupakan antara institusi yang terawal dibangunkan di negara ini. UiTM yang merupakan sebuah universiti komprehensif memainkan peranan penting dalam pembangunan Permatang Pauh namun ekonomi pengalaman tidak dapat ditonjolkan dengan baik. Pengalaman pendidikan hanya dapat ditonjolkan pada tahap sederhana, manakala elemen tiga pengalaman yang lain tidak banyak ditonjolkan.

Bagi bandar pusat pengajian tinggi di Kedah dan Perlis, dapat dilihat dalam Jadual 3, bandar-bandar ini lebih banyak menonjolkan elemen pengalaman pendidikan dan sangat kurang menonjolkan pengalaman hiburan. Jika dibandingkan antara bandar Sintok dan Merbok, jelas kelihatan bandar Sintok lebih menonjolkan pengalaman pendidikan dan sama dengan situasi bandar Gelugor dan Permatang Pauh, Sintok dibangunkan oleh institusi pengajian tinggi awam yang lebih tua dari institusi yang dibina di Merbok dan jenis institusi juga berbeza iaitu UUM adalah universiti berfokus dan UiTM adalah universiti komprehensif.

Bandar Arau yang memegang status sebuah Bandar DiRaja pula lebih menonjolkan pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist*. Walaupun memegang status Bandar DiRaja, Arau merupakan bandar yang pesat membangunkan institusi pendidikan dan antara institusi yang terdapat di bandar ini adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Komuniti Arau, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Kolej Matrikulasi Perlis. Dapat dilihat Bandar Arau lebih menonjolkan pengalaman pendidikan berbanding bandar Merbok dan Permatang Pauh kerana bandar ini merangkumi dua institusi pengajian tinggi awam iaitu UiTM dan UniMAP di mana UniMAP adalah universiti berfokus

seperti UUM. Jika dilihat pada Jadual 3, Gelugor, bandar pusat pengajian tinggi yang berjaya menonjolkan keempat-empat elemen ekonomi pengalaman dipengaruhi oleh institusi yang terdiri dari jenis penyelidikan iaitu USM. Walaupun Nibong Tebal tidak berjaya membangunkan elemen ekonomi pengalaman secara menyeluruh, dapat dilihat bandar ini berjaya menonjolkan tiga elemen ekonomi pengalaman iaitu pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist*.

Bandar ini tidak berjaya menonjolkan ekonomi pengalaman secara menyeluruh kerana tidak dapat menonjolkan elemen pengalaman hiburan, di mana pengalaman ini adalah pengalaman yang paling sukar dicapai di bandar-bandar pusat pengajian tinggi wilayah utara. Hal ini terjadi kesan dari lokasi penubuhan institusi iaitu kawasan luar bandar serta tahun penubuhan institusi. Bandar Gelugor berjaya menonjolkan elemen pengalaman hiburan tetapi jika dilihat tahun penubuhan USM dapat dilihat institusi ini adalah institusi terawal yang terbina di Pulau Pinang. Justeru itu telah banyak pembangunan yang berlaku sejak penubuhan USM di Gelugor dan kawasan sekitar. Masih ada harapan bagi bandar-bandar pusat pengajian lain di wilayah utara untuk membangunkan keempat-empat elemen ekonomi pengalaman di masa hadapan.

Ekonomi Pengalaman Di Wilayah Tengah

Bahagian ini menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman yang dapat dilihat di bandar-bandar pusat pengajian tinggi bagi kawasan wilayah Tengah yang merangkumi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Berdasarkan jenis lokasi penubuhan institusi pengajian tinggi di wilayah Tengah yang dinilai, terdapat tiga buah institusi yang ditubuhkan di kawasan bandar iaitu cawangan UiTM di Shah Alam dan Seremban 3 dan Universiti Malaya (UM) di Bangsar/ Petaling Jaya.

Bagi penilaian ke atas institusi pengajian tinggi di kawasan luar bandar pula terdiri dari lapan buah institusi. Justeru itu terdapat 11 buah institusi pengajian tinggi awam di wilayah tengah yang dinilai dan dari 11 buah institusi ini, enam buah institusi merupakan cawangan UiTM. Dua buah cawangan UiTM di bina di kawasan bandar iaitu di Shah Alam yang merupakan lokasi bagi kampus induk UiTM dan di Seremban 3 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Empat buah lagi cawangan UiTM yang di bina di kawasan luar bandar adalah di Puncak Perdana, Puncak Alam dan Sungai Buloh dan Kuala Pilah. Hampir ke semua bandar pusat pengajian tinggi di wilayah tengah memegang status bandar di mana dari 11 buah bandar pusat pengajian tinggi hanya Puncak Perdana di Selangor dan Kuala Pilah belum memegang status sebuah bandar.

Pencapaian ekonomi pengalaman kesan dari penubuhan institusi pengajian tinggi di kawasan bandar bagi wilayah tengah dapat dilihat dalam Jadual 4. Ketiga-tiga institusi yang mempengaruhi pembangunan bandar-bandar tersebut berjaya menonjolkan elemen-elemen ekonomi pengalaman dengan memberangsangkan. Bandaraya Shah Alam yang merupakan lokasi kampus induk UiTM bukan sahaja memegang status sebagai sebuah bandarya tetapi turut memegang status sebagai ibu negeri Selangor. Selain itu, Shah Alam juga terkenal sebagai bandar perindustrian di mana kilang pengeluar kereta nasional, Proton, yang pertama bagi negara ini terletak di bandaraya ini. Kampus induk UiTM telah dibangunkan di Shah Alam pada tahun 1967 dan kilang Proton pula ditubuhkan di bandar ini pada 1983 dan ini dapat membuktikan penubuhan institusi pengajian tinggi di sesebuah bandar memainkan peranan penting dalam membangunkan dan menarik pembangunan ke kawasan tersebut. Elemen

ekonomi pengalaman yang dapat ditonjolkan di bandaraya ini boleh dilihat dalam Jadual 4 dan dapat dilihat keempat-empat elemen pengalaman ini dapat ditonjolkan dengan baik di Shah Alam.

Bagi Universiti Malaya pula yang mempengaruhi pembangunan Bangsar dan juga Petaling Jaya, sama seperti Shah Alam, keempat-empat elemen pengalaman ditonjolkan dengan baik cuma yang membezakan pengaruh UM dan UiTM di Shah Alam adalah lokasi institusi-institusi ini. Lokasi UM terletak di tiga bandar secara amnya iaitu di Bangsar, Petaling Jaya dan Damansara. Faktor ini juga menyebabkan elemen-elemen ekonomi pengalaman dapat dilihat dengan gah di kawasan sekitar institusi selain dari faktor jarak institusi dengan pusat bandaraya Kuala Lumpur. Elemen ekonomi pengalaman yang ditunjukkan dalam Jadual 4 adalah fasiliti-fasiliti yang terletak berhampiran institusi ini sahaja dan tidak dimasukkan fasiliti secara menyeluruh di ketiga-tiga bandar ini. Seremban 3 pula yang menempatkan salah satu cawangan UiTM bagi Kampus Negeri Sembilan merupakan sebuah bandar satelit dan terletak dalam kawasan Bandar Seremban. Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa pembangunan institusi di kawasan bandar adalah untuk menyemarakkan lagi pembangunan di kawasan tersebut. Lokasi penubuhan UiTM di Seremban 3 masih belum membangun sepenuhnya kerana institusi ini dibuka secara rasmi pada tahun 2014, justeru itu elemen ekonomi pengalaman tidak dapat dilihat wujud di kawasan ini. Namun begitu, kerana lokasi institusi ini terletak dalam kawasan Bandar Seremban, iaitu hanya 6km sahaja dari pusat bandar, elemen-elemen ekonomi pengalaman masih dapat dilihat, cuma elemen-elemen ini tidak wujud atas pengaruh institusi ini. Justeru itu, dengan penubuhan cawangan UiTM ini, diharap institusi ini dapat menyemarakkan lagi pembangunan elemen ekonomi pengalaman di Bandar Seremban 3 dan juga pusat bandar Seremban

Bagi Negeri Sembilan terdapat dua bandar pusat pengajian tinggi iaitu Nilai yang merupakan lokasi bagi USIM dan Kuala Pilah, lokasi bagi cawangan UiTM. Jadual 5 menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman di kawasan luar bandar bagi wilayah tengah dan dapat dilihat hanya dua bandar sahaja yang berjaya membangunkan elemen ekonomi pengalaman dengan memberangsangkan iaitu Bandar Baru Bangi dan Serdang. Bagi bandar Gombak dan Kuala Pilah, bandar-bandar ini kurang menonjolkan pengalaman hiburan sahaja tetapi dapat menonjolkan pengalaman pendidikan, *escapist* dan estetika. Bandar Puncak Alam paling kurang menonjolkan ekonomi pengalaman, diikuti Sungai Buloh dan Nilai.

Dua bandar yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman di kawasan luar bandar merupakan lokasi institusi jenis penyelidikan iaitu UKM dan UPM. Bagi bandar Gombak yang berjaya menonjolkan pengalaman *escapist* pada tahap paling tinggi berbanding bandar-bandar lain, dapat dilihat selain faktor penubuhan UIAM di bandar ini, faktor geografi juga memainkan peranan. Bandar Gombak mempunyai banyak tarikan yang terdiri dari aspek alam flora dan fauna seperti hutan lipur dan tasik yang merupakan lokasi yang sesuai untuk aktiviti rekreatif, aktiviti yang bertepatan untuk mencapai pengalaman *escapist*. Bagi Kuala Pilah pula yang berjaya menonjolkan pengalaman estetika pada tahap yang memberangsangkan, dipengaruhi oleh faktor geografi. Kuala Pilah terkenal dengan lokasi bersejarah di mana bandar Diraja Negeri Sembilan iaitu Seri Menanti terletak dalam daerah Kuala Pilah. Jumlah institusi yang berjaya menonjolkan keempat-empat pengalaman dalam ekonomi pengalaman di bandar pusat pengajian tinggi bagi wilayah tengah adalah sebanyak lima buah institusi di mana tiga dari institusi ini dibina di kawasan bandar dan dua institusi di bina di kawasan luar Bandar. Dari lima institusi ini, tiga institusi terdiri dari jenis penyelidikan iaitu UM, UKM dan UPM manakala lagi dua buah institusi terdiri dari jenis komprehensif iaitu UiTM.

Jadual 4: Pembangunan Ekonomi Pengalaman Di Kawasan Bandar Bagi Wilayah Tengah

Negeri	Lokasi	Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Selangor	Shah Alam	Sek Keb [33] Sek Agama [13] Sek Keb (Tamil) [4] Sek Men Keb [20] Sek Men Agama [4] Sek Men Teknik [1] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [8]	Plaza Alam Sentral SACC Mall Plaza Shah Alam Ole-Ole Seksyen 18 Anggerik Mall Kompleks PKNS AEON Mall Shah Alam Uptown Shah Alam	Taman Tasik Shah Alam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Muzium Sultan Alam Shah Kompleks Kesenian Islam Selangor Galeri Shah Alam Dataran Kemerdekaan Dataran Shah Alam	Taman Rekreasi Seksyen 28 Kompleks Sukan Shah Alam Pusat Akuatik Darul Ehsan Taman Sukan Lasak Taman Tema Air Wet World I-City Litar Go-Kart Kelab Golf Taman Hutan Lipur SUK
Bangsar/ Petaling Jaya		Sek Keb [55] Sek Keb (Tamil) [1] Sek Men Keb [29] IPT & IL [22]	Bangsar Shopping Centre Nu Sentral Mall Mid Valley Megamall Bangsar Village I & II The Sphere Amcorp Mall Atria Shopping Gallery The Strand Mall	Little India Buddhist Maha Vihara Kuil Sri Kondaswamy Kovil The Village NEXUS The Oak Room Pusat Sains Negara Thai Chetawan Temple The Secret Garden Utama	Z Fencing Scrappingville Studio Megakidz Funland & Edutainment Bangsar Sports Complex Taman Aman Jogging Park Jump Street - Trampoline Park Jungle Gym Arena 51: Archery Tag
Negeri Sembilan	Seremban 3	Sek Keb [37] Sek Keb (Cina) [19] Sek Keb (India) [10] Sek Men Keb [28] Sek Men Berasrama Penuh [4] Sek Men Agama [2] IPT & IL [13]	UniCity Mall Seremban Parade Terminal One Mall Era Square Palm Mall AEON Seremban Prima Plaza Angsana	Dataran Seremban Kompleks Kraf Negeri Sembilan Muzium Negeri Lorong Seni Taman Budaya	Ladang Burung Kasawari Taman Tasik Seremban Taman Rekreasi Seremban 2 Taman Malaysia

Ekonomi Pengalaman Di Wilayah Selatan

Bahagian ini menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman yang dapat dilihat di bandar-bandar pusat pengajian tinggi bagi kawasan wilayah selatan yang terdiri dari negeri Melaka dan Johor. Terdapat enam bandar pusat pengajian tinggi yang dinilai dan hanya satu bandar pusat pengajian tinggi yang terletak dalam kawasan bandar iaitu bandaraya Melaka. Bandar-bandar pusat pengajian lain terdiri dari Jasin, Segamat dan Pasir Gudang yang dibangunkan oleh UiTM, Skudai, lokasi bagi kampus UTM dan Kluang yang dibangunkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Bandaraya Melaka yang berjaya menonjolkan elemen ekonomi pengalaman dengan memberangsangkan merupakan lokasi bagi dua institusi pengajian tinggi awam iaitu UiTM dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Selain itu, status bandaraya Melaka sebagai sebuah bandaraya dan juga bandar warisan dunia yang diberi oleh UNESCO mempengaruhi hasil ini. Sebagai sebuah bandar bersejarah, bandaraya Melaka berjaya menyerlah pengalaman estetika dengan baik seperti yang dapat dilihat dalam jadual 6.

Selain dari bandaraya Melaka, terdapat sebuah lagi bandar pusat pengajian tinggi di Melaka yang dinilai iaitu Jasin yang merupakan lokasi bagi cawangan UiTM. Bandar Jasin hanya mampu menonjolkan pengalaman pendidikan dan *escapist* pada tahap tinggi manakala pengalaman hiburan dan estetika kurang ditonjolkan. Bagi Negeri Johor, terdapat empat buah bandar yang dinilai dan dari empat bandar ini dua bandar berjaya menonjolkan ekonomi pengalaman iaitu bandar Skudai yang dibangunkan oleh UTM dan Batu Pahat yang dibangunkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Bandar Batu Pahat menonjolkan ekonomi pengalaman pada tahap yang lebih tinggi dari bandar Skudai seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6 dan hal ini kerana bandar Batu Pahat merupakan bandar kedua terbesar di negeri Johor selepas bandaraya Johor Bharu dan telah mengalami proses pembangunan sebelum pembinaan UTHM lagi. Bandar Skudai pula merupakan sebuah bandar universiti dan mengalami pembangunan seiring dengan penubuhan UTM di kawasan tersebut dan bandar ini juga merupakan sebahagian dari koridor pembangunan baru yang masih dalam proses pelaksanaan di Selatan Johor iaitu Iskandar Malaysia.

Dua lagi bandar pusat pengajian tinggi di Johor adalah bandar Segamat dan Masai yang dibangunkan oleh cawangan UiTM, institusi jenis komprehensif. Bandar Segamat tidak berjaya membangunkan ekonomi pengalaman secara menyeluruh kerana tidak berjaya menonjolkan pengalaman pendidikan. Namun pencapaian elemen pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist* adalah sangat memberangsangkan.

Jadual 5: Pembangunan Ekonomi Pengalaman Di Kawasan Luar Bandar Bagi Wilayah Tengah

Negeri	Lokasi	Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Selangor	Gombak	Sek Keb [11] Sekolah Agama [14] Sek Keb (Cina) [4] Sek Keb (Tamil) [3] Sek Men Keb [26] Sek Men Agama [2] Sek Men Teknik [2] Sek Men Berasrama Penuh [2] IPT [5]	Anggun Shopping Centre Pasaraya (Tesco & Giant)	Royal Selangor Pewter Empangan Batu Muzium Orang Asli Kampung Orang Asli Batu 12 Gombak	Hutan Lipur Sungai Tua Sungai Rumput Batu 12 Gombak Alang Sedayu Batu 12 Gombak Genting Hidayat Batu 18 Gombak Hutan Lipur Templer Park Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Gua Damai Extreme Park Hutan Lipur Bukit Lagong Hutan Lipur Kanching Tasik Biru Kundang Tasik Rimba Komanwel
	Bangi	Sek Keb [6] Sek Keb (Cina) [1] Sek Keb Jenis (Tamil) [1] Sek Persendirian [4] Sek Men Keb [4] IPT & IL [13]	Kompleks PKNS Bangi Utama Shopping Complex Bangi Gateway SOHO Shopping Complex Bangi Sentral Uptown Bangi Jalan Reko Downtown	Saiful Nang Gallery of Arts Jauhari Art Gallery Taman Tasik Cempaka Beryl's Chocolate Factory Natural History Museum Taman Wawasan	Skatepark Taman Tasik Cempaka Bangi Golf Resort Danau Golf Club (UKM) Stadium UKM Galaxy Futsal Vrox Sport Centre Stadium Seksyen 15 Cempaka Speedway RC Buggy Track Superkart Indoor Karting
Serdang		Sek Keb [5] Sek Keb (Cina) [3] Sek Keb (Tamil) [1] Sek Persendirian [2] Sek Men Keb [4] IPT & IL [4]	South City Plaza Jusco Taman Equine Prima Tropika Downtown Mines Downtown Night Bazaar	Palace of the Golden Horses Mines Resort City Art Sphere Malaysia Agro Exposition Park Serdang The Atmosphere Muzium Warisan Melayu Asia Heli	Farm In The City Mines Wonderland Puncak Jalil Paintball Park Battlefields Taman Wetland Taman Rekreasi Bukit Jalil Bukit Jalil Golf & Country Resort Pusat Akuatik Nasional bersambung..

..sambungan

Puncak Alam	Sek Keb [3] Sek Men Keb [2] IPT [1]	Pasaraya Econsave)	(Tesco &	
Sungai Buloh	Sek Keb [7] Sek Keb (Cina) [1] Sek Keb (Tamil) [5] Sek Men Keb [5] Sek Men Agama [1] Kolej Vokasional [1] IPT [1]	Kompleks Sungai Buloh		
Negeri Sembilan	Nilai	Sek Keb [6] Sek Keb (Tamil) [3] Sek Keb (Cina) [1] Sek Men Keb [4] Sek Men Agama [1] IPT [1]	Nilai Square Nilai 3	Dataran Nilai Taman Awam Nilai
				Hutan Lipur Lenggeng
Kuala Pilah	Sek Keb [12] Sek Keb (Tamil) [2] Sek Keb (Cina) [3] Sek Men Keb [11] Sek Men Berasrama Penuh [1] Sek Men Agama [3] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [5]	Gedung Sri Minang Pasaraya Econsave)	& Giant	Istana Lama Seri Menanti Bandar DiRaja Seri Menanti Daastar Dendam Tak Sudah Makam Tuan Tulis Mercu Tanda Sempadan Tokong Cina Sim Tong Tapak Megalitik Tugu Lister Perkampungan Budaya Terachi Ladang Alam Warisan
				Hutan Lipur Ulu Bendul Kuala Pilah Hutan Lipur Jeram Tengkek Royal Golf Club Seri Menanti

Jadual 6 Pembangunan Ekonomi Pengalaman di Wilayah Selatan

Negeri	Lokasi	Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Melaka	Melaka	Sek Keb [57]	Jonker Walk	A Famosa	Pantai Klebang
		Sek Keb (Cina) [30]	Mahkota Parade	Dataran Pahlawan	Pantai Kundur / Puteri
		Sek Keb (Tamil) [3]	Mydin MITC Melaka	Bangunan Stadthuys	WildLife Theatre
		Sek Agama [3]	AEON Bandaraya Melaka	Muzium Samudera	Sungai Melaka
		Sek Pendidikan Khas [1]	Dataran Pahlawan Melaka	Muzium Budaya	Ladang Buah-Buahan Tropika Melaka
		Sek Men Keb [32]	Melaka Mall	Penempatan Portugis	
		Sek Men Teknik [2]	Hatten Square	St Xavier Church	
		Sek Men Agama [3]	Hang Tuah Plaza	Balai Cerap Alkhawarizmi	
		Sek Men Berasrama	Harbour City	Memorial Pengisytiharaan	
		Penuh [1]	Menara Taming Sari	Kemerdekaan	
		IPT & IL [22]	Melaka Duck Tour	Istana Kesultanan Melaka	
			Melaka River Cruise	Makam Hang Jebat	
Jasin	Jasin	Sek Keb [37]	Jasin Shopping Centre	Jeti Anjung Batu	Taman Rekreasi Serompol Tehel
		Sek Keb (Cina) [19]	Merlimau Street Mall	Taman Agro Selendar	Pusat Rekreasi Sg Rambai
		Sek Keb (Tamil) 8	Gedung Big Ten	Dataran Jasin	Hutan Rekreasi Bukit Langsat
		Sek Agama [2]	Jasin Sentral	Pintu Masuk Sempadan Sg	Anjung Bonda
		Sek Men Keb [13]		Rambai	Air Terjun Asahan
		Sek Men Agama [3]			Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah
		IPT & IL [6]			
Johor	Skudai	Sek Keb [14]	Skudai Parade	Pulai Spring Country Club	Hutan Bandar Mutiara Rini
		Sek Keb (Cina) [4]	Aeon Taman Universiti	Dataran Cahaya Bukit Liki	Escape Room Johor
		Sek Keb (Tamil) [2]	Skudai Mall	IOI Palm Villa	Lost In JB: The Haunted House
		Sek Men Keb [11]	Sutera Mall	Akuarium Sea Palace	Mystery Room Escape
		Sek Men Agama [1]	U Mall	Eight Ways Meditation Centre	Tapak Perkhemahan Taman Impian Emas
		IPT [2]	Paradigm Mall Johor	Balai Cerap	Stadium Universiti Teknologi Malaysia
				Jambatan Sungai Johor	Impian Emas Golf And Country Club

bersambung..

Batu Pahat	Sek Keb [70] Sek Keb (Cina) [29] Sek Keb (Tamil) [2] Sek Men Keb [22] Sek Men Agama [4] Sek Men Berasrama Penuh [1] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [11]	Aeon Big Batu Pahat Mall Square One Shopping Mall The Summit Batu Pahat	Hentian Parit Simen Glow Park Batu Pahat Fortune Dragon Museum Agop Batu Tulug	Pantai Rekreasi Punggur Pantai Rekreasi Minyak Beku Taman Rekreasi Tasik Y Batu Pahat Hutan Lipur Soga Perdana Kelab Golf Batu Pahat Kelab Golf Bukit Banang Wet World Batu Pahat
Segamat	Sek Keb [25] Sek Keb (Cina) [4] Sek Keb Agama [1] Sek Men Keb [20] Sek Men (Cina) [1] IPT [2]	Segamat Shopping Complex Bazaar Karat Pasaraya (Billian, Kip Mart, Nirwana & Econsave)	Dataran Segamat Taman Bunga Batu Hampar (Rock Garden) Makam Bendahara Tepok Makam Raja Temengong Jambatan Putus, Buloh Kasap	Air Terjun Sungai Bantang Taman Rekreasi Sungai Segamat Pusat Rekreasi Kolam Air Panas Air Terjun Takar Merluk Pusat Latihan Rekreasi Felcra Air Terjun Jeram Tinggi Taman Awam Tasik Segamat
Masai	Sek Keb [13] Sek Keb (Cina) [4] Sek Keb (Tamil) [2] Sek Men Keb [8] Sekolah Seni [1] IPT & IL [2]	Pasaraya (Kip Mart & Tesco)	Shui Wang Aquarium Taman Lebah Kelulut KongKong Masai Jeti Kong Kong Laut	Permas Go-Kart

Bagi bandar Masai pula, pencapaian bandar ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan Segamat kerana hanya berjaya menonjolkan elemen pengalaman pendidikan sahaja, namun penjelasan bagi hasil ini adalah perbezaan tahun penubuhan institusi UiTM di bandar-bandar ini di mana UiTM di Bandar Segamat telah beroperasi sejak tahun 1983 manakala institusi UiTM di Masai pula baru beroperasi pada tahun 2014. Satu jarak tempoh masa yang panjang namun bandar Masai berjaya menonjolkan pengalaman pendidikan pada tahap yang tinggi, justeru itu cawangan UiTM di bandar Masai boleh membangunkan elemen ekonomi pengalaman pada tahap tinggi di masa hadapan.

Kesimpulan bagi penilaian pembangunan ekonomi pengalaman di wilayah selatan adalah dari tujuh institusi yang mempengaruhi pembangunan bandar-bandar pusat pengajian yang dinilai, empat yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman terdiri dari institusi jenis berfokus (UTeM dan UTHM), komprehensif (UiTM Melaka) dan penyelidikan (UTM). Dua institusi yang berjaya mempengaruhi pembangunan ekonomi pengalaman ini juga terletak di kawasan bandar iaitu UTeM dan UiTm di bandaraya Melaka dan dua institusi lagi terletak di kawasan luar bandar iaitu UTM di Skudai dan UTHM di Batu Pahat.

Bagi tiga buah bandar yang tidak berjaya menonjolkan ekonomi pengalaman secara menyeluruh iaitu Jasin, Segamat dan Masai dibangunkan oleh institusi jenis komprehensif iaitu UiTM. Antara tiga bandar ini, bandar Masai merupakan bandar yang menonjolkan elemen ekonomi pengalaman pada tahap paling rendah berbanding bandar Segamat dan Jasin. Hal ini berlaku kerana cawangan UiTM di Masai baru beroperasi selama tiga tahun sahaja namun pencapaian elemen pengalaman pendidikan di kawasan ini adalah pada tahap yang tinggi. Selain itu, bandar-bandar pusat pengajian tinggi di wilayah selatan banyak menonjolkan elemen pengalaman pendidikan dan *escapist* berbanding pengalaman hiburan dan estetika.

Ekonomi Pengalaman Di Wilayah Pantai Timur

Bahagian ini menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman yang dapat dilihat di wilayah pantai timur yang merangkumi negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. Sejumlah 11 buah institusi dinilai dan dari 11 buah institusi-institusi ini, terdapat dua institusi yang dibina di kawasan bandar iaitu UIAM di bandar Kuantan dan USM di bandar Kubang Kerian. Sembilan institusi lain yang dinilai adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Jengka, Raub, Machang dan Dungun, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Jeli, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Mengabang Telipot, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Besut serta Gong Badak. Jadual 7 menunjukkan pembangunan ekonomi pengalaman bagi kawasan bandar di wilayah pantai timur yang dinilai iaitu Kuantan dan Kubang Kerian dan kedua-dua bandar ini berjaya membangunkan ekonomi pengalaman pada tahap yang memuaskan.

Terdapat persamaan bagi institusi yang dibina di kedua-dua bandar ini iaitu kedua-dua institusi ini bukan kampus induk dan merupakan kampus kesihatan bagi institusi masing-masing iaitu UIAM di Kuantan dan USM di Kubang Kerian. UIAM adalah institusi jenis komprehensif dan USM adalah institusi jenis penyelidikan dan elemen pengalaman pendidikan ditonjolkan dengan sangat baik di kedua-dua bandar ini di samping elemen pengalaman yang lain.

Jadual 7: Pembangunan Ekonomi Pengalaman Di Kawasan Bandar Bagi Wilayah Pantai Timur

Negeri	Lokasi	Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Pahang	Kuantan	Sek Keb [69]	Kuantan Parade	Muzium Sungai Lembing	Air Terjun Sungai Pandan
		Sek Keb (Tamil) [3]	East Coast Mall	Penternakan Rusa	Air Terjun Sungai Berkelah
		Sek Keb (Cina) [11]	Berjaya Megamall	Tugu (Monumen)	Air Terjun Jerangkang
		Sek Men Keb [38]	Mydin Emporium Kuantan	Teluk Cempedak	Pantai Balok
		Sek Men Berasrama Penuh [2]	Aeon Mall Kuantan	Taman Esplanade	Air Terjun Pelangi
		Sek Sukan [1]	Downtown Kuantan	Mini Zoo Taman Teruntum	Bukit Panorama
		Sek Men Agama [2]	Teruntum Complex	Taman Gelora	Gunung Tapis
		Kolej Vokasional [1]		Gambang Safari Park	Jambatan Gantung Sungai Lembing
		IPT & IL [18]		Masjid Negeri	Pantai Batu Hitam
					Hutan Lipur Bukit Pelindung
Kelantan	Kubang Kerian	Sek Keb [61]	Pasar Siti Khadijah	Muzium Kelantan	Taman Perbandaran Tengku Anis
		Sek Men Keb [42]	KB Mall	Muzium Perang	Taman Rekreasi AL-FURSAN
		Sek Men Agama [4]	Kota Bharu Trade Center	Istana Jahar	Padang Perdana
		IPT & IL [22]	Kota Seri Mutiara	Istana Batu	Pantai Cahaya Bulan
			Pantai Timur Shopping Centre	Kampung Kraftangan	Pantai Irama
			MYDIN Emporium	Gelanggang Seni	
			Bazar Tok Guru	Bank Kerapu	
			Bazar Tengku Anis		
			AEON Mall Lembah Sireh		
			Platinum Mall		

Elemen pengalaman *escapist* di Kuantan lebih menonjol berbanding di Kubang Kerian kerana bandar Kuantan terkenal dengan lokasi tarikan pelancongan berbentuk pantai dan air terjun yang terdapat disekitar bandar ini seperti Air Terjun Sungai Pandan Air Terjun Sungai Berkelah, Air Terjun Jerangkang, Pantai Balok dan Pantai Batu Hitam. Manakala bandar Kubang Kerian lebih menonjolkan pengalaman hiburan dari bandar Kuantan. Kubang Kerian lebih terkenal dengan aktiviti membeli belah kerana lokasi bandar ini yang berhampiran dengan sempadan Thailand. Elemen yang menonjolkan pengalaman hiburan di Kubang Kerian boleh dilihat dalam Jadual 7.

Bagi kawasan luar bandar pula, tiada bandar pusat pengajian tinggi yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman secara menyeluruh. Namun jika dilihat dalam Jadual 8, selain pengalaman pendidikan, pengalaman *escapist* dapat ditonjolkan dengan sangat baik jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah lain. Hal ini kerana faktor geografi bandar-bandar di wilayah pantai timur yang dikelilingi oleh pantai dan air terjun yang lebih menumpukan kepada pengalaman *escapist*. Ke semua bandar di kawasan luar bandar gagal menonjolkan pengalaman hiburan dan ini menjadi punca tiada satu bandar yang berjaya menonjolkan ekonomi pengalaman secara menyeluruh. Namun begitu, terdapat tiga bandar yang berjaya menonjolkan elemen pengalaman pendidikan, estetika dan *escapist* pada tahap yang tinggi iaitu Pekan yang dibangunkan oleh UMP serta Machang dan Dungun yang dibangunkan oleh UiTM.

Secara keseluruhannya bagi pencapaian ekonomi pengalaman di wilayah pantai timur, hanya dua buah bandar sahaja yang berjaya dan kedua-dua bandar ini merupakan lokasi bagi institusi jenis penyelidikan dan komprehensif iaitu USM di Kubang Kerian dan UIAM di Kuantan. Hampir kesemua bandar di wilayah pantai timur menonjolkan elemen pengalaman pendidikan pada tahap tinggi kecuali Mengabang Telipot yang merupakan lokasi bagi institusi UMT. Namun sebagai sebuah perkampungan nelayan, Mengabang Telipot tetap dapat menonjolkan pengalaman pendidikan pada tahap yang memuaskan iaitu dengan tiga institusi pengajian tinggi dan institut latihan berjaya dibina di kawasan ini iaitu UMT, Unisza dan Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

KESIMPULAN

Berdasarkan penilaian yang dibuat ke atas 37 buah bandar pusat pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia, dapat dilihat lokasi dan jenis institusi yang ditubuhkan membantu dalam membangunkan sektor perkhidmatan Bandar tersebut. Jadual 9 menunjukkan bandar dan institusi yang dilihat dapat menonjolkan fasiliti-fasiliti yang menonjolkan ekonomi pengalaman dalam bilangan yang banyak di mana bagi kawasan bandar, terdapat enam buah bandar dan tujuh buah institusi kerana bandaraya Melaka diwakili oleh dua buah institusi iaitu UTeM dan UiTM. Manakala bagi kawasan luar bandar, terdapat lima buah bandar dan institusi. Antara perbezaan yang boleh dilihat antara kawasan bandar dan luar bandar yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman adalah jenis institusi yang dibina di kawasan tersebut. Boleh dilihat bagi kawasan bandar, institusi pengajian tinggi yang dibina lebih banyak terdiri dari institusi jenis komprehensif dan hanya terdapat dua buah institusi berintensifkan penyelidikan di kawasan bandar iaitu USM di Kubang Kerian dan UM di Bangsar/Petaling Jaya.

Jadual 8: Pembangunan Ekonomi Pengalaman di Kawasan Luar Bandar Bagi Wilayah Pantai Timur

Negeri	Lokasi	Pendidikan	Hiburan	Estetika	Escapist
Pahang	Pekan	Sek Keb [44]	Pasaraya (Tunas, Mydin, Istana Sultan Abu Bakar	Istana Sultan Abu Bakar	Air Terjun Lata Mentagan
		Sek Keb Model Khas	Emporium PasarayaKu, Darul	Muzium Sultan Abu Bakar	Teladas Umbut Waterfall
		Komprehensif [1]	Mamur)	Istana Mangga Tunggal	Tasek Chini
		Sek Keb (Cina) [3]		Rumah Kelahiran Tun Abdul Razak	Pantai Air Leleh
		Sek Men Keb [13]		Watercraft Gallery	Pekan Riverfront
		Sek Men Berasrama Penuh [2]		Silk Weaving Gallery	Taman Tasik Sultan Abu Bakar
		IPT & IL [5]			Kelab Polo Diraja Pahang
	Jengka	Sek Keb [36]	Mydin Mall	Mercu View Resort	Kelab Golf Diraja Pekan
		Sek Keb (Cina) [1]	Pasaraya (D'Mart, B5, U'Mart, Sakan &	Felda Residence Tekam	Hutan Lipur Gunung Senyum
		Sek Men Keb [14]	Sinaran Kota)	Dataran Jam Bandar Jengka	Gua Jebak Puyuh
		Sek Men Agama [1]	Arked Mara		Gua Terang Bulan
		IPT & IL [4]			Jengka Golf Course
					Stadium Tun Abdul Razak Jengka
					Air Terjun Lubuk Yu-Ulu Jempul
					Air Terjun Lubuk Jit
					Tekam Plantation Resort
Raub	Raub	Sek Keb [28]	Pasaraya (Tunas Manja & TF Value-Mart)	Bukit Fraser	Jeram Besu
		Sek Keb (Cina) [10]			Lata Berembun
		Sek Keb (Tamil) [3]			Lata Jarum & Pulau Chekas
		Sek Men Keb [11]	Pekan Sehari		Lata Lembik
		Sek Men Berasrama Penuh [1]			Tanah Aina Farrah Soraya
		IPT [1]			Raub Durian Orchard
Kelantan	Jeli	Sek Keb [12]	Pasaraya (Giant & Mydin- akan datang)		Kolam Air panas Jeli
		Sek Men Keb [6]			Taman Santuari Tasik Pergau
		Sek Men Agama [3]			Lata Janggut
		IPT & IL [5]			Lata Renyok
					Lata Chenang
					Gunung Reng

bersambung..

Machang	Sek Keb [21] Sek Keb (Cina) [1] Sek Agama [1] Sek Men Keb [10] IPT [1]	Pasaraya (Econjaya, Zon Ria & G Mache)	Jambatan Guillemard Lombong Bijih Besi Temangan Menara Masjid Pulai Condong	Jeram Linang Kolam air panas Kampung Rengas Tok Bok Hutan Lipur Bukit Bakar Air Terjun Jeram Linang Hutan Lipur Cabang Tongkat Pantai Mengabang Telipot
Terengganu	Mengabang Telipot	Sek Keb [2] Sek Men Keb [1] IPT & IL [3]		
Besut	Sek Keb [12] Sek Men Keb [5] Sek Men Agama [1] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [5]	Pasaraya (Econjaya, Giant & Supermas)	Desa Ukiran Kayu	Bukit Keluang Gunung Tebu Kolam Air Panas La Lata Belatan Lata Tembahah Pantai Air Tawar Pantai Dendong Pulau Perhentian
Dungun	Sek Keb [34] Sek Keb (Cina) [2] Sek Men Keb [15] Sek Men Agama [3] Sek Berasrama Penuh [1] Kolej Vokasional [1] IPT [3]	Pasaraya (Mydin, TMG Mart, Tunas Manja & Nirwana)	Rantau Abang Bukit Besi Hutan Simpan Pasir Raja	Pulau Tenggol Pantai Tanjung Jara Hutan Lipur Sungai Chemerong Tasik Puteri Tasik Puteri Golf Club Pantai Teluk Lipat
Gong Badak	Sek Keb [7] Sek Men Keb [5] Sek Men Agama [1] Kolej Vokasional [1] IPT & IL [5]	Pasaraya (Giant & Mydin) Uptown Kontena	Medan Selera ICT	Padang Golf Kuala Terengganu Pantai Tok Jembal Pantai Teluk Ketapang Pantai Kubang Badak

Jadual 9 Bandar Pusat Pengajian Tinggi Yang Berjaya Membangunkan Ekonomi Pengalaman

Bandar	IPT	Jenis	Tahun	Lokasi	Status
Shah Alam	UiTM	Komprehensif	1967	Bandar	Bandaraya/ Ibu Negeri
Bangsar/ Petaling Jaya	UM	Penyelidikan	1905	Bandar	Bandaraya
Seremban 3	UiTM	Komprehensif	2014	Bandar	Bandar Satelit
Bandaraya Melaka	UTeM	Berfokus	2000	Bandar	Bandaraya/ Bandaraya Warisan Dunia
Kuantan	UIAM	Komprehensif	1997	Bandar	Daerah/ Ibu Negeri/ Bandaraya
Kubang Kerian	USM	Penyelidikan	1983	Bandar	Bandar/Daerah
Gelugor	USM	Penyelidikan	1969	Luar Bandar	Bandar/ Bandar Universiti
Bangi	UKM	Penyelidikan	1977	Luar Bandar	Bandar Baru/ Bandar Universiti
Serdang	UPM	Penyelidikan	1971	Luar Bandar	Mukim/ Bandar Baru
Skudai	UTM	Penyelidikan	1972	Luar Bandar	Bandar/ Bandar Universiti
Batu Pahat	UTHM	Berfokus	1993	Luar Bandar	Bandar

Berbeza dengan kawasan luar bandar, dari lima institusi, empat institusi terdiri dari institusi berintensifkan penyelidikan iaitu USM di Gelugor, UKM di Bangi, UPM di Serdang dan UTM di Skudai. Jika dilihat pada tahun penubuhan juga boleh dikesan perbezaan antara institusi yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman di kawasan bandar dan luar bandar. Bagi kawasan bandar, jika dikecualikan institusi berintensifkan penyelidikan, hanya UiTM di Shah Alam sahaja telah lama dibina manakala lagi empat institusi boleh dilihat dibina sekitar tahun 1997 dan yang paling baru adalah UiTM di Seremban 3 yang dibina pada tahun 2014. Jauh berbeza dengan institusi kawasan luar bandar yang diwakili oleh institusi-institusi terkemuka negara, dibina sekitar tahun 1969 sehingga 1972, hanya UTHM sahaja yang dibina pada tahun 1993.

Berdasarkan hasil ini, boleh dirumuskan bahawa kebanyakan institusi yang berjaya membangunkan ekonomi pengalaman di kawasan bandar telah dibina setelah bandar tersebut menjalani proses pembangunan atau sudah maju, terutamanya bagi institusi yang berintensifkan komprehensif dan berfokus. Buktinya dapat dilihat pada status yang dipegang oleh bandar itu sendiri di mana dari enam buah bandar pusat pengajian tinggi yang mewakili kawasan bandar, empat buah bandar memegang status bandaraya iaitu Shah Alam, Bangsar, Melaka dan Kuantan. Selain Shah Alam dan Bangsar, institusi-institusi yang mewakili bandar Melaka dan Kuantan masih baru lagi dibina dan adalah mustahil untuk mempengaruhi status sesebuah bandar dalam tempoh yang singkat.

Berbeza dengan institusi berintensifkan penyelidikan, institusi-institusi ini kebanyakannya dibangunkan di kawasan luar bandar dan kesan yang diberikan oleh institusi-institusi ini adalah sangat memberangsangkan kerana bandar-bandar pusat pengajian ini membangun seiring dengan institusi-institusi tersebut. Boleh dilihat pada status Bandar Universiti yang dipegang oleh bandar Gelugor, Bangi dan Skudai. Status bandar-bandar ini sudah memberikan gambaran yang jelas pengaruh institusi-institusi ini terhadap pembangunan bandar masing-masing.

Selain itu, jika dilihat pada jenis-jenis institusi yang ditubuhkan di kawasan luar bandar, kebanyakan institusi ini merupakan cawangan UiTM iaitu terdapat empat cawangan UiTM yang ditubuhkan di wilayah utara, tiga buah di wilayah tengah, tiga buah di wilayah selatan dan empat buah di wilayah pantai timur, menjadikan jumlah cawangan UiTM yang dinilai dalam kajian ini sebanyak 14 buah cawangan, hampir separuh dari jumlah institusi yang dinilai dan

dibina di kawasan luar bandar, iaitu sejumlah 30 buah institusi. Hal ini menunjukkan UiTM banyak membantu dalam emmacu pembangunan di kawasan luar Bandar.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat institusi pengajian tinggi banyak menjadi agen pembangunan di bandar-bandar yang didirikan. Selain itu, dapat juga dilihat institusi-institusi ini turut mempengaruhi pembangunan elemen-elemen ekonomi pengalaman di bandar-bandar institusi pengajian tinggi. Bab ini melihat aspek elemen ekonomi pengalaman kesan dari penubuhan institusi pengajian tinggi secara am di Semenanjung Malaysia. Bab seterusnya merungkai pengaruh institusi pengajian tinggi terhadap kawasan kajian iaitu Bandar Baru Bangi dan juga penyediaan elemen ekonomi pengalaman yang dapat dikesan secara terperinci.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Aziah Ismail, Abdul Rashid Mohamad, Nor Shafrin Ahmad & Fadillah Amzah. 2007. Pembangunan modal insan. *Journal of Social Sciences* 3,5, 389-398
- Abel, J.R & Deitz, R. 2011. The role of colleges and universities in building local human capital. *Current Issues In Economics and Finance*. 17, 6, 1-7.
- Fauziah Che Leh. 2007. Hubungan universiti-industri dalam konteks pembangunan ekonomi setempat: kajian kes UPSI dan kilang Proton Tanjung Malim. *Jabatan Geografi FSSK UPSI Perak*.
- Ferreira, H. & Teixeira, A.C. 2013. 'Welcome to the experience economy': assessing the influence of customer experience literature through bibliometric analysis. *FEP Working Papers*. ISSN: 0870-8541 frontier", *Strategy and Leadership*. 30, 4-11.
- Gilmore, J.H. 2003. Frontiers of the experience economy. <http://www.strategichorizons.com/documents/BattenBriefings-03FallFrontiersOfEE.pdf>. (23 Januari 2014)
- Gilmore, J. & Pine, J. B. II. 2002. Customer experience places: the new offering
- Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, Noor Alyani Nor Azazi, Suraiya Ishak, Selvadurai, S, Amriah Buang & Er, A.C. 2012. Kesan kewujudan institusi pengajian tinggi awam ke atas pembentukan ideopolis sekunder Bandar Baru Bangi. *Geografia: Malaysian Journal Of Society And Space* 8, 6, 59-75
- Hasmah Abu Zarin, Ahmad Ariffin Bujang & Mohd Fildaus Mohamed. 2010. Kesan pembangunan Kolej University Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) terhadap keperluan perumahan kakitangan kajian kes: Parit Raja, Batu Pahat Johor. *Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*
- Jabatan Pendidikan Tinggi. 2017. Kategori universiti awam. <http://jpt.mohe.gov.my/>(17 Januari 2017)
- Jones, A, Williams, L, Lee, N, Coats, D. & Cowling, M. 2006. Ideopolis: knowledge city-regions: The Work Foundation
- Lyck, L. 2010. Experience economy as an instrument to create economic profitability. <http://www.oru.se/Extern/Institutioner/RHS/Dokument/Guest%20lecture%20at%20Grythytt%C3%A4%20Akademi,%20February%202010-1.pdf> [20 September 2014]
- Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof. 2012. Universiti, pembangunan modal insan dan penumpuan ruang komuniti berpendidikan tinggi di Malaysia: Suatu ulasan kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, 2, 308-327
- Pine, B. J & Gilmore, J. H. 1998. Welcome to the experience economy. *Harvard Business Review*. http://frontdeskapparatus.com/wp/wp-content/uploads/2012/10/experience_economy-1.pdf (20 September 2014)

- Radder, L & Han, X. 2015. An examination of the museum experience based on Pine and Gilmore's experience economy realms. *The Journal of Applied Business Research*
- Sarimin, M & Yigitcanlar, T. 2012. Towards a comprehensive and integrated knowledge-based urban development model : Status quo and directions. *International Journal of Knowledge-Based Development*. 3, 2, 175-192.
- Williams, L, Lee, N, Jones, A & Coats, D. 2006. Creating an ideopolis: case study of Manchester: The Work Foundation.
- Yigitcanlar, T & Sarimin, M. 2011. The role of universities in building prosperous knowledge cities : The Malaysian experience. *Built Environment*. 37, 3, 260-280.
- Yigitcanlar, T, O'Connor, K & Westerman, C. 2008. The making of knowledge cities: Melbourne's knowledge-based urban development experience. *Cities* 25, 2, 63-72.
- Yigitcanlar, Tan. 2005. The making of knowledge cities : lessons learned from Melbourne. *International Symposium on Knowledge Cities 2005*. Saudi Arabia, Medina.

Noor Alyani Nor Azazi,

Perancangan dan Pengurusan Pembangunan,
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

Habibah Ahmad (Prof. Madya. Dr) & Hamzah Jusoh (Prof. Dr)

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

